

Utusan Borneo : 03 September 2021

Pemuda tidak mengaku tiga pertuduhan jenayah

SIBU: Seorang pemuda mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini semalam atas tiga pertuduhan jenayah.

Sung Kian Bin, 24, kemudian dibenarkan bebas dengan ikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin sementara menunggu kes disebut semula 5 Oktober depan.

Mengikut pertuduhan

pertama, dia didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap seorang pemuda berusia 24 tahun dengan bersenjatakan pemukul besbol dan didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Bagi pertuduhan kedua mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan, dia didakwa mengugut untuk membakar rumah mangsa.

Sementara bagi pertuduhan ketiga mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan, Sung didakwa memeras mangsa sama untuk memberikan wang RM2,000 kepadanya.

Dia didakwa melakukan ketiga-tiga pertuduhan itu pada 22 Ogos 2021, kira-kira jam 10.30 malam di sebuah kafe di Jalan Kiew Nang.